

Pendengaran awam PPPM

Mendapatkan pandangan awam mengenai pelan pendidikan baharu

OLEH ALLAN KOSIDI ANDREW

KOTA KINABALU: Satu pendengaran awam mengenai Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) diadakan di Dewan Bankuasi bangunan Dewan Canselor, Universiti Malaysia Sabah (UMS), di sini Sabtu lepas.

Menyertai majlis tersebut Menteri Pendidikan II Dato' Seri Idris Jusoh berkata, pendengaran awam itu bertujuan mendapatkan pandangan awam mengenai pelan pendidikan yang baharu bagi menggantikan Pelan Strategik Pengajaran Tinggi (PSTPN) sebelum ini.

"Pelan Pendidikan Pembangunan Pendidikan Malaysia ini adalah usaha memastabatkan sistem pendidikan negara ke peringkat yang lebih tinggi agar dapat digarap dan

diselaraskan dengan lebih terancang.

"Antara penambahbaikan yang terkandung dalam pelan pendidikan baharu ini ialah penerapan minda keusahawanan holistik, bakat pengajian tinggi, pengajian sepanjang hayat, pembelajaran secara online dan inovasi ekosistem," katanya.

Katanya, perubahan itu bertujuan meningkatkan kualiti mahasiswa dan mahasiswa dalam pendidikan dan kemahiran agar para graduan lebih bersedia untuk menghadapi dunia pekerjaan sebenar dan mungkin menjadi pencipta kerjaya.

Sehubungan itu katanya, untuk merealisasikan perubahan berkenaan penambahbaikan secara berterusan adalah diperlukan bagi memastikan mutu pendidikan negara setanding dengan pendidikan di negara-negara maju.



HARUN (dua kanan) bergambar bersama sebahagian wakil tenaga pengajar yang hadir.

Idris berkata, 'blueprint' pelan baharu itu dijangka akan dilancarkan pada

penghujung Mac depan. "Universiti yang baik harus menghasilkan pelajar yang

baik iaitu mampu menukar graduan daripada pencari kerja kepada pencipta kerja



IDRIS bersalaman dengan salah seorang tetamu yang hadir.

dan untuk merelisasikan pekerja ini kita haruslah mempunyai pensyarah yang baik," katanya.

Dalam pada itu, Naib Canselor UMS Prof Datuk Mohd Harun Abdullah berkata, transformasi pendidikan yang dirancang itu adalah legasi negara yang bukan sahaja melibatkan para graduan pada hari ini tetapi juga seluruh anak bangsa pada masa akan

datang.

"Justeru, saya menggesa kepada semua pihak agar mengambil segala peluang untuk menyumbang idea yang bernasbagi memastikan kejayaan perubahan baharu ini," katanya.

Sesi pendengaran awam itu dihadiri oleh wakil-wakil tenaga pengajar dari semua peringkat institut pengajaran tinggi, sekolah rendah dan menengah.